

1103/2  
Bahasa Melayu Kertas 2  
Ogos 2018  
2 1/2 jam



**PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM 2018**  
**JABATAN PENDIDIKAN NEGERI KEDAH**  
**MAJLIS PENGETUA SEKOLAH MALAYSIA (KEDAH)**

---

**BAHASA MELAYU KERTAS 2**

**PERATURAN PEMARKAHAN**

---

SULIT 1103/2

**Markah penuh : 110 markah**

**Soalan 1**

Markah penuh 30 dibahagi kepada:

- |            |   |           |
|------------|---|-----------|
| (a) Isi    | - | 20 markah |
| (b) Bahasa | - | 10 markah |

(a) **Isi [20 markah]**

**Nota:**

- (i) Panduan mengira perkataan:  
Perkataan yang dikira sebagai satu perkataan
  - nama khas
  - perkataan berganda / berulang
  - penggunaan kata sendi ‘di’ dan ‘ke’
  - tarikh
  - angka yang ditulis dengan nombor atau perkataan
  - gelaran
- (ii) Kira dan **tandakan** jawapan calon setakat **120 perkataan sahaja** sebelum diperiksa.
- (iii) Periksa jawapan calon setakat 120 patah perkataan sahaja. Yang selebihnya **tidak perlu diperiksa**.
- (iv) Berikan markah bagi setiap isi yang tepat dan lengkap sahaja.
- (v) Jika **disalin bulat-bulat** perkataan demi perkataan, ayat demi ayat, walaupun jumlah perkataan **kurang daripada 120** patah perkataan, berikan 0 markah.
- (vi) Jika rumusan **kurang daripada 120** patah perkataan, **markah tidak dipotong**.

Bahagian	Isi										Markah
(i) Pendahuluan											2
(ii) Isi tersurat	4	5	6	7	8	9	10	11	12		16

(iii) Isi tersirat	12	11	10	9	8	7	6	5	4	
(iv) Penutup / Kesimpulan										2
<b>Jumlah markah</b>										<b>20</b>

**(b) Bahasa [10 markah]**

Asas pemberian markah bahasa tertakluk kepada markah isi seperti yang dinyatakan dalam jadual berikut:

Peringkat	Markah Isi	Markah Bahasa	Huraian
Baik	18 – 20 15 – 17	9 – 10 7 – 9	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kesinambungan isi baik.</li> <li>• Struktur ayat / tatabahasa baik</li> <li>• Kosa kata luas</li> <li>• Tanda bacaan / ejaan betul</li> </ul>
Sederhana	12 – 14 8 – 11	6 – 7 4 – 6	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kesinambungan isi masih baik</li> <li>• Struktur ayat / tatabahasa masih memuaskan.</li> <li>• Kosa kata masih memuaskan</li> <li>• Tanda bacaan / ejaan juga memuaskan</li> </ul>
Lemah	1 – 7	1 – 4	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pada keseluruhannya dalam serba kekurangan / tidak memuaskan</li> </ul>

**Nota :**

- (i) Jika bahasanya agak baik, **tambah 1 markah** lagi.
- (ii) Jika bahasanya kurang memuaskan, **tolak 1 markah**.
- (iii) Jika **disalin bulat-bulat**, perkataan demi perkataan, ayat demi ayat walaupun jumlah perkataan **kurang daripada 120** patah perkataan, berikan **0 markah**.
- (iv) Jika rumusan **kurang daripada 120** patah perkataan, **markah tidak dipotong**.  
[Markah bahasa maksimum: 10 markah]

**Soalan 1 : Rumusan**

**Pendahuluan [2 markah]**

P1- Petikan membincangkan manfaat/kebaikan/kepentingan/kelebihan menceburi bidang keusahawanan dalam kalangan rakyat di negara ini. 2

P2- Petikan membincangkan manfaat/kebaikan/kepentingan/kelebihan menceburi bidang keusahawanan dan sebab bidang keusahawanan perlu diceburi ketika usia muda. 2

P3- Rumusan membincangkan manfaat/kebaikan/kepentingan/kelebihan menceburi bidang keusahawanan dan cara-cara menarik minat masyarakat menjadi usahawan. 2

P4- Petikan/Rumusan membincangkan manfaat/kebaikan/kepentingan/kelebihan menceburi bidang keusahawanan. 1

P5- Petikan/Rumusan membincangkan faedah menceburi bidang keusahawanan dan sebab bidang keusahawanan perlu diceburi ketika usia muda. 0

P6- Petikan membincangkan faedah menceburi bidang keusahawanan. 0

**Isi Tersurat [4 hingga 12 markah]**

S1- rezeki usahawan lebih lumayan daripada punca pendapatan yang lain. 2

S2- golongan usahawan menguasai pasaran dan ekonomi dengan ketara sekali. 2

S3- bidang keusahawanan banyak menyediakan peluang pekerjaan. 2

S4- pendapatan dalam lapangan keusahawanan sangat lumayan. 2

S5- usahawan berjaya mengubah nasib dan keluar daripada belenggu kemiskinan. 2

S6- usahawan menghasilkan produk yang menjulang nama negara pada persada dunia.	2
S7- bidang keusahawanan memberikan sumbangan hebat dalam menjanakan pertumbuhan ekonomi negara.	2
S8- bidang keusahawanan menyediakan pelbagai ruang dan peluang untuk meneroka sumber kekayaan.	2

**Isi tersirat [4 hingga 12 markah]**

- T1 bantuan modal untuk memulakan/memajukan perniagaan. 2
- T2 kursus/latihan/bengkel keusahawanan. 2
- T3 bimbingan oleh usahawan yang berjaya. 2
- T4 kemudahan pinjaman perniagaan. 2
- T5 anugerah kepada usahawan berjaya. 2

**(Isi-isi tersirat yang lain boleh diterima sekiranya sesuai)**

**Kesimpulan [2 markah]**

- K1 Kesimpulannya, golongan muda wajar menjadikan bidang keusahawanan sebagai kerjaya agar mendapat agihan yang adil daripada kekayaan negara. 2
- K2 Kesimpulannya, golongan muda wajar menjadikan bidang keusahawanan sebagai kerjaya. 1

**(Kesimpulan lain yang sesuai boleh diterima)**

## **Soalan 2**

Markah penuh **35** markah dibahagikan kepada:

Soalan 2 (a) : **9** markah

Soalan 2 (b) : **9** markah

Soalan 2 (c) : **8** markah

Soalan 2 (d) : **9** markah

### **Perhatian bagi soalan 2(a) hingga Soalan 2(d)**

1. Jawapan hendaklah menggunakan **ayat sendiri**.
2. Jawapan hendaklah dalam **ayat yang lengkap/sempurna**.
3. Jika **disalin bulat-bulat** daripada teks dan jawapan itu **betul, berikan separuh (50%)** daripada markah yang diperuntukkan sahaja.

### **Panduan Pemarkahan Soalan Pemahaman**

1. Soalan 2 markah:

DESKRIPSI	MARKAH
- Jawapan tepat mengikut konteks / isi cukup dan ayat gramatis	2
- Jawapan kurang tepat / isi tidak cukup	1
- Isi cukup tetapi ayat tidak gramatis	
- Jawapan tidak tepat/salah	0

2. Soalan 3 markah:

DESKRIPSI	MARKAH
- Isi cukup dan lengkap/relevan dengan tugas dan ayat gramatis	3
- Isi cukup dan lengkap/relevan tetapi ayat kurang gramatis	2
- Isi tidak cukup /kurang lengkap tetapi ayat gramatis	
- Isi tidak cukup /kurang lengkap dan ayat kurang gramatis	1
- Isi tidak betul /tidak relevan dengan tugas, ayat gramatis	0

3. Soalan 4 markah:

DESKRIPSI	MARKAH
- Isi cukup dan lengkap/relevan dengan tugas dan ayat gramatis	4
- Isi cukup dan lengkap/relevan tetapi ayat kurang gramatis	3
- Isi tidak cukup /kurang lengkap tetapi ayat masih gramatis	2
- Isi tidak cukup /kurang lengkap dan ayat kurang gramatis	1
- Isi tidak betul /tidak relevan dengan tugas dan ayat gramatis	0

**Soalan 2(a) : Petikan Umum**

**(a) Petikan Umum**

(i) Maksud :

- Menunggu/mengharapkan hasil/pendapatan/perolehan/ganjaran 2
- Menanti hasil/pendapatan/perolehan/ganjaran 1
- Menunggu/mengharapkan rezeki 1

**[Maksimum : 2 markah]**

(ii) Sebab-sebab:

- P1- mempunyai sikap berdaya saing yang tinggi
- P2- tabah menempuh halangan
- P3- cekap mengintai punca rezeki

**[Maksimum : 3 markah]**

**[Isi cukup : 2 isi]**

(iii) Peranan pihak sekolah

- P1- menubuhkan Kelab Usahawan Muda
- P2- menjadi ahli koperasi sekolah
- P3- mengadakan hari kantin/kokurikulum/keusahawanan
- P4- penerapan ilmu melalui mata pelajaran Prinsip Akaun/Perniagaan
- P5- sekolah mengundang usahawan berjaya ke sekolah.

**(Peranan yang lain diterima sekiranya sesuai)**

**[Maksimum : 4 markah]**

**[Isi cukup : 3 isi]**

**[Isi cukup : 2 isi + huriaian]**

## **Soalan 2 (b) – Petikan Prosa Moden**

### **(i) Penulis bersyukur kerana:**

- |                                                                                                                                         |   |
|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|---|
| P1-Kampung penulis terpencil dan jarang-jarang dihendap oleh Jepun.                                                                     | 1 |
| P2-Garisan perang juga tidak melintang di atas tanah kami, maka tiada seorang pun kami yang diratah atau dirobek peluru ( tidak cedera) | 1 |
| P3-Menyedarkan mereka betapa hinanya hidup terjajah                                                                                     | 1 |

**[Maksimum : 2 markah]**

### **(ii) Kita perlu mengelakkan peperangan kerana:**

- P1-Boleh mengakibatkan kematian.
- P2-Boleh mengakibatkan kecederaan
- P3-Hilang harta benda
- P4-Hidup dalam kesempitan/ ketakutan
- P5-Ekonomi negara akan musnah
- P6-Politik akan terancam
- P7-Negara kucar-kacir

**[Maksimum : 3 markah]**

**[Isi cukup : 2 isi]**

### **(iii) Persoalan dalam petikan:**

#### **P1- Persoalan keprihatinan terhadap anak yatim piatu.**

Huraian: Iman Ngah Deraman mengambil Ahmad Mutawakkil sebagai anak angkatnya setelah Tuan Booth balik ke England. [1+1]

#### **P2 - Persoalan kesyukuran tidak ditimpa musibah .**

Huraian: Penulis bersyukur kerana kampungnya tidak diserang oleh Jepun. [1+1]

#### **Persoalan dalam keseluruhan cerpen.**

#### **K1- Persoalan semangat patriotik yang tinggi dalam diri pejuang.**

Huraian: Ahmad Mutawakkil menggesa rakyat agar bangun untuk memerdekaan negara daripada dijajah. [1+1]

#### **K2- Persoalan kerjasama yang erat dalam kalangan masyarakat kampung.**

Huraian: Masyarakat kampung bekerjasama mencari Ahmad Mutawakkil yang hilang. [1+1]

**K3- Persoalan kekejaman pengganas terhadap masyarakat.**

Huraian: serangan maut pengganas telah mengorbankan 3 orang pengurus berbangsa Inggeris. [1+1]

**K4- Ketabahan dalam mengharungi pelbagai kesulitan pada zaman perang.**

Huraian: Penduduk kampung tabah mengharungi kesengsaraan pada zaman penjajah dan semasa komunis mengganas. [1+1]

**(Persoalan yang lain dan sesuai boleh diterima)**

**[Maksimum : 4 markah]**

**Soalan 2(c) : Petikan Prosa Tradisional**

(i) Pesan bapa Kertala Sari:

- P1- menyayangi Kertala Sari
- P2- melantik Kertala Sari menjadi penggawa agung

**[Maksimum 2 isi : 2 markah]**

**[Isi cukup : 2 isi]**

ii. Perkara-perkara yang dijanjikan oleh Kertala Sari kepada Patih Gajah Mada

P1- akan membunuh Ratu Melaka dan Laksamana

P2- akan mengalahkan negeri Melaka dan mengambil semua isteri orang Melaka

P3- tidak mahu menjadi penggawa sekiranya dia gagal membunuh Ratu Melaka dan Laksamana.

**[Maksimum 2 isi : 3 markah]**

**[Isi cukup : 2 isi]**

iii. Kepentingan seseorang murid bercita-cita tinggi.

P1- menggalakkan murid untuk sentiasa berusaha

P2- memudahkan murid untuk menentukan matlamat hidup

P3- mendidik murid berani menghadapi risiko

P4- menggalakkan murid berfikir secara kritis

**(Terima mana-mana jawapan yang relevan)**

**[Maksimum : 3 markah]**

**[Isi cukup: 2 isi]**

### **Soalan 2(d) : Puisi Moden**

- (i) Setelah istana itu siap dibina:  
P1 - istana itu diserahkan kepada raja dan permaisuri.  
P2 - semua tukang telah mati .  
P3 - reka bentuk istana itu tidak dapat ditiru oleh mana-mana pihak.

**[Maksimum: 2 markah]**

- (ii) Cara-cara untuk mempertahankan seni ukiran dan seni bina  
P1- Mengadakan kempen/ ceramah/ iklan/ promosi/ kesedaran menghargai warisan.  
P2- Memantapkan Pendidikan Seni Visual di sekolah.  
P3- Memelihara dan memulihara seni warisan/ mengecat /membaik pulih  
P4 - Mewartakan bangunan bersejarah sebagai warisan negara.  
P5 - Pengisytiharan bangunan bersejarah sebagai warisan dunia.  
P6 - Galeri seni warisan negara.  
P7- Menjadikan bangunan warisan seni bangsa sebagai destinasi pelancongan.  
**(Terima mana-mana jawapan yang sesuai)**

**[Maksimum : 3 markah]**  
**[Isi cukup : 2 isi]**

- (iii) Nilai

**P1- Ketaatan**

Huraian : Rakyat dan pembesar taat akan perintah raja untuk membina dan menyiapkan sebuah istana. [1+1]

**P2- Kebijaksanaan**

Huraian: Raja meminta istananya dikelilingi tembok dan parit untuk tujuan keselamatan. [1+1]

**P3- Tanggungjawab**

Huraian: Empat puluh empat tukang yang mahir bertanggungjawab untuk menyiapkan istana raja. [1+1]

**P4- Kerajinan**

Huraian: Tukang yang mahir itu telah menyiapkan istana dalam jangka masa yang singkat dan bekerja siang dan malam. [1+1]

**P5- Kerjasama**

Huraian: Tukang mahir mengembangkan tenaga untuk menyiapkan istana selama tujuh bulan. [1+1]

**P6- Kejujuran**

Huraian: 44 orang tukang yang jujur dalam kerja-kerja menyiapkan istana. [1+1]

**[Maksimum : 4 markah]**

**Soalan 3**

Markah penuh **30** markah dibahagikan kepada:

Soalan 3(a): **6** markah

Soalan 3(b): **6** markah

Soalan 3(c): **6** markah

Soalan 3(d): **6** markah

Soalan 3(e): **6** markah

**Perhatian bagi soalan 3 (a)**

1. Berikan 1 markah bagi setiap ayat yang betul.
2. Tolak 1 markah bagi kesalahan ejaan / jalan bahasa / tanda baca daripada keseluruhan soalan.
3. Perkataan digunakan sebagai peribahasa, berikan 0 markah.
4. Perkataan digunakan sebagai nama khas, berikan 0 markah.
5. Sengaja menambahkan imbuhan, berikan 0 markah.
6. Ayat yang dibina seperti satu ayat tetapi sebenarnya lebih, berikan  $\frac{1}{2}$  markah bagi setiap ayat.
7. Jika semua perkataan digunakan dalam satu ayat, berikan pertimbangan sebagai satu ayat.
8. Boleh menggunakan struktur cakap ajuk dengan mematuhi tanda bacanya.
9. Isi tidak jelas, berikan  $\frac{1}{2}$  markah.

**Jawapan 3 (a)**

- (i) berputar
  - berpusing, berkisar, berkitar, berpusar
- (ii) memutarbelitkan
  - mengubah-ubah janji (kebenaran, perkataan) dengan tujuan untuk menipu

- (iii) berlipat
  - berlapis rapi (kain baju): *Diambilnya baju yang berlipat di dalam almari*
- (iv) melipatgandakan
  - menggandakan berkali-kali, memperbanyak, menjadikan bertambah banyak
- (v) bercampur
  - bergaul (berbaur, berkacau) menjadi satu: *Asid ini banyak bercampur dengan air.*
  - berkawan, bergaul: *Wanita Cina itu sudah lama bercampur dengan orang Melayu*
- (vi) mencampuradukkan
  - menjadikan bercampur aduk

**[Maksimum : 6 markah]**

**Jawapan 3(b)** Menukar ayat aktif kepada ayat pasif

- (i) Keadaan yang harmoni akan diwujudkan oleh masyarakat yang bersatu padu di negara kita.
- (ii) Keindahan alam semula jadi dapat dinikmati oleh para pengunjung semasa bercuti di pulau peranginan itu.
- (iii) Makanan yang berkhasiat harus kita ambil setiap hari supaya kesihatan sentiasa terjamin.

**[Maksimum : 6 markah]**

**Jawapan 3(c)**

	<b>Salah</b>	<b>Betul</b>
(i)	Pembakaran sekaligus	- Kebakaran - sekali gus
(ii)	komersil membekal	- komersial - membekalkan
(iii)	instituusi tersedia	- institusi - bersedia

**[Maksimum : 6 markah]**

**Jawapan 3(d)**

<b>Salah</b>	<b>Betul</b>
(i) berhemah dari	- berhemat - daripada
(ii) syaranan di atas	- ucapan - atas
(iii) belum masih tafsiran	- masih belum - taksiran

**[Maksimum : 6 markah]****Jawapan 3(e)**

- (i) kalau tidak dipecahkan ruyung, manakan dapat sagunya yang bulat tidak datang bergolek, yang pipih tidak datang melayang
- (ii) bulat air kerana pembetung, bulat kata/ manusia kerana muafakat
- (iii) baik berjagung-jagung sementara padi belum masak/ berjagung-jagung dahulu sementara menunggu padi masak

**[Maksimum : 6 markah]****Soalan 4**

Markah penuh 15 markah

**Panduan pemarkahan bagi Soalan 4.**

- (a) i) Jawapan berdasarkan sebuah novel yang dipelajari.
- ii) Jawapan hendaklah dalam ayat-ayat lengkap.
- iii) Beri 2 markah untuk 1 latar masyarakat dan 1 peristiwa latar masyarakat.
- iv) Markah bagi 2 isi - maksimum 4 markah.
- v) Markah bahasa maksimum 3 markah. Markah bahasa tidak boleh lebih daripada markah isi.
- vi) Markah bahasa diberi seperti berikut:

Baik	: 3 markah
Sederhana	: 2 markah
Lemah	: 1 markah

- vii) Jika calon menjawab dan markah isi 0, berikan 1 markah untuk bahasa.
- viii) Calon tidak menjawab 0 markah.

**[Maksimum : 7 markah]**

- (b)
  - i) Jawapan berdasarkan dua buah novel yang dipelajari.
  - ii) Jawapan hendaklah dalam ayat-ayat lengkap.
  - iii) Jawapan mesti merujuk pada konflik watak utama dengan watak sampingan bagi setiap novel.
  - iv) Aspek pemarkahan: Berikan 2 markah untuk pernyataan peristiwa konflik antara watak utama dengan watak sampingan bagi setiap novel.  
Berikan 1 markah untuk cara penyelesaiannya.
    - Maksimum markah setiap isi : 3 markah
  - v) Huraian tanpa menyatakan peristiwa konflik dalam novel, 0 markah.
  - vi) Maksimum markah bagi setiap setiap novel : 3 markah
  - vii) Markah isi maksimum, 6 markah
  - viii) Markah bahasa maksimum: 2 markah. Markah bahasa tidak boleh lebih daripada markah isi
  - ix) Markah bahasa diberi seperti berikut:

Baik : 2 markah

Lemah : 1 markah

- ix) Jika calon menjawab dan markah isi 0, berikan 1 markah untuk bahasa.
- x) Calon tidak menjawab, 0 markah

**[Maksimum: 8 markah]**

## **NOVEL JENDELA MENGHADAP JALAN**

### **1. Masyarakat yang bersimpati.**

Contohnya, Lili berasa simpati dengan nasib Che Jah yang selalu didera dan dimaki hamun oleh suaminya, Seman sehingga Lili mengambil keputusan untuk membuat laporan kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat.

Contohnya, Lili berasa simpati dengan nasib Che Jah yang selalu didera dan dimaki hamun oleh Seman sehingga Lili mengambil keputusan untuk membuat laporan kepada Badan Kebajikan Masyarakat

## **2. Masyarakat yang mengamalkan perubatan tradisional.**

Contohnya, datuk masuk ke hutan pada waktu malam untuk mencari pokok senduduk, kacip Fatimah, pegaga hutan dan misai kucing sebagai ramuan perubatan tradisional. Keberkesanannya dibuktikan apabila Mak Cik Letchumi menjadi pelanggan setia kepada minuman herba hasil buatan datuk secara konsisten dan dia menjadi semakin sihat.

## **3. Masyarakat yang penyayang.**

Contohnya, Lili amat sayang akan ibunya, dengan menurut segala kehendak mereka agar Lili pulang bercuti di kampung datuknya.

## **4. Masyarakat yang berani.**

Contohnya, Danel berani mengambil tindakan secara bersendirian dalam usaha menyelamatkan Lili yang diikat dan dikurung oleh Rafiq dan Haziq di sebuah pondok buruk pada waktu malam.

## **5. Masyarakat yang taat akan agama.**

Contohnya datuk dan nenek Lili segera bersolat apabila masuk waktu solat. Datuknya juga sering solat berjemaah sama ada di rumah atau di surau Kampung Sentosa dan datuk sering berzikir.

## **6. Masyarakat yang bertanggungjawab dalam menjalankan tugas.**

Contohnya Puan Hamimah (Kak Mimah) , Pegawai Jabatan Kebajikan Masyarakat dan Nadia bertanggungjawab untuk membantu Che Jah yang sering dipukul oleh suaminya Seman.

## **7. Masyarakat yang prihatin**

Contohnya, Lili prihatin terhadap nasib yang dihadapi Che Jah sekeluarga kerana sikap tidak bertanggungjawab suaminya, Seman yang suka mendera Haziq dan Rafik.

Contohnya, Lili memohon bantuan daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat melalui Kak Mimah untuk mengambil tindakan ke atas Seman berdasarkan Akta Keganasan Keluarga 1994.

Contohnya Danel prihatin terhadap keselamatan Lili semasa diculik oleh Haziq dan Rafik. Oleh itu Danel telah menyelamatkan Lili daripada menjadi tebusan Haziq dan Rafiq.

## **8. Masyarakat yang mementingkan penjagaan kesihatan dan pemakanan**

Contohnya, Lili tidak mengambil makanan segera dan minum minuman bergas sejak kecil kerana mementingkan kesihatannya.

### **SONGKET BERBENANG EMAS**

#### **1. Masyarakat yang penyayang.**

Contohnya, Dahlia amat sayang akan ibu dan keluarganya lalu sanggup keluar asrama tanpa izin untuk menaiki bas bagi menziarahi ibunya yang sakit di Hospital Permai.

#### **2. Masyarakat gigih menimba ilmu.**

Contohnya, Dahlia, Kavita, dan Siti Wangi mengulang kaji pelajaran bersama-sama untuk memperoleh keputusan yang cemerlang dalam peperiksaan STPM yang bakal diduduki oleh mereka.

#### **3. Masyarakat yang tabah.**

Contohnya Embong tabah menghadapi dugaan hidup apabila isterinya, Saleha menghadapi masalah mental sehingga terpaksa dirawat di Hospital Batu Pahat dan di Hospital Permai.

#### **4. Masyarakat yang setiakawan.**

Contohnya, Dahlia dan Kavita, bersahabat baik, saling menghormati dan sangat akrab walaupun berlainan bangsa dan agama.

#### **5. Masyarakat yang prihatin.**

Contohnya, Tauke Lim prihatin dan sering membantu keluarga Embong dan Dahlia dengan ikhlas tanpa mengharapkan balasan. Dia memberikan sumbangan ikhlas sebanyak RM300 kepada Dahlia untuk membantunya mengikuti kursus bahasa Jepun di Universiti Malaya. Dia juga memberikan sumbangan untuk kenduri Majlis Maulidur Rasul.

#### **6. Masyarakat yang saling membantu.**

Contohnya Haji Sulaiman mengajak penduduk kampung membantu untuk membina rumah Embong yang roboh dilanda banjir.

## **7. Masyarakat yang mempercayai amalan kepercayaan karut.**

Contohnya, Nek Kiah menggores pintu dengan kapur pada setiap pintu kerana percaya tindakan tersebut dapat menghalang hantu memasuki rumah.

## **8. Masyarakat yang mementingkan kesihatan keluarga.**

Contohnya Embong bertanggungjawab terhadap kesihatan isterinya dengan membenarkan Haji Sulaiman dan pegawai kesihatan membawa isterinya untuk rawatan di hospital.

### **Konflik watak utama dengan watak sampingan**

#### **1. Konflik Dahlia dengan Aton.**

Aton sering menfitnah Dahlia dengan mengatakan Dahlia gadis yang tidak bermoral. Aton turut menghina kelaurga Dahlia dengan mengatakan ibunya tidak siuman. Selain itu, Aton juga menuduh Dahlia penyebab kematian anaknya Said.

#### Cara penyelesaian

Dahlia menyelesaikan masalah ini dengan mendiamkan diri dan bertindak segera meninggalkan Aton. Dahlia berpendapat jika dilayan kerentah Aton semakin banyak perkara yang akan diperkatakan oleh Aton.

#### **2. Konflik Dahlia dengan Nek Kiah**

Konflik timbul apabila Nek Kiah tidak menyukai keluarga Dahlia dan tidak mengakui mereka sebagai darah daging. Malah Nek kiah dan Seman berpakat untuk menjual tanah tapak rumah keluarga Dahlia.

#### Cara penyelesaian

Dahlia tetap memberi layanan yang baik terhadap Nek Kiah dan menjaganya ketika sakit.

#### **3. Konflik Dahlia dengan Azhari**

Konflik timbul apabila Azhari menyatakan hasrat untuk melamar Dahlia.

#### Cara penyelesaian

Dahlia menjelaskan bahawa dia ingin meneruskan pengajiannya kerana dia anak sulung bertanggungjawab mengubah nasib keluarga.

**4. Konflik Dahlia dengan Melati.**

Konflik timbul apabila Melati menyatakan hasratnya untuk berhenti sekolah demi menjaga adik-adiknya yang masih kecil.

Cara penyelesaian

Dahlia tidak membenarkan Melati berhenti sekolah demi masa hadapannya.

## **Jendela Menghadap Jalan**

**1. Konflik Lili dengan ibunya**

Ibunya meminta Lili pulang ke kampung dan menghabiskan cuti persekolahannya di kampung sedangkan Lili ingin menghabiskan cutinya bersama-sama dengan rakan-rakan untuk merai majlis persaraan pengetuanya.

Cara penyelesaian

Lili menurut sahaja cadangan ibunya supaya dia bercuti di kampong dan berpura-pura gembira walaupun hatinya berat untuk ke sana kerana ketaatan seorang anak terhadap ibu.

**2. Konflik Lili dengan Nenek**

Konflik timbul apabila nenek tidak membenarkan Lili mencampuri urusan keluarga Che Jah.

Cara penyelesaian

Lili akur dengan permintaan nenek.

**3. Konflik Lili dengan Haziq dan Rafik.**

Konflik timbul apabila Lili diculik, diikat dan dikurung di sebuah pondok usang oleh Haziq dan Rafik.

Cara penyelesaian

Lili bersikap tenang serta memaafkan Haziq dan Rafik malah menjaga mereka selpas dipukul oleh penduduk kampung.

4. Konflik Lili dengan Datuk.

Konflik timbul apabila datuk mengatakan sesuatu yang kurang elok tentang ibunya iaitu jarang balik ke kampung dan kurang mementingkan agama.

Cara penyelesaian

Lili bersabar dan berani mempertahankan maruah ibunya dengan menyatakan bahawa ibu menjaganya dengan baik.